

**Syirkah Al-Milk dan Syirkah Al-‘Aqd
Sebagai Asas kepada Produk Pembiayaan
Musyārah Mutanāqīshah:
Analisis daripada Perspektif Fiqah**

Oleh:¹
**Mohd Shahril Mat Rani
Hamzah Kamaruzaman**

Dalam amalan semasa institusi kewangan Islam, perkongsian berkurangan (*musyārah mutanāqīshah*) merupakan salah satu kontrak baharu (*‘uqūd mustajiddah*) yang diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan. Secara umumnya, konsep *musyārah mutanāqīshah* disandarkan kepada kontrak *musyārah*, sama ada *syirkah al-‘aqd* atau *syirkah al-milk*. Namun begitu, terdapat kemungkinan berlaku limitasi pada elemen-elemen yang dipakai dalam proses melaksanakan *musyārah mutanāqīshah* berdasarkan tujuan atau objektif pembiayaan yang berbeza-beza.

Sehubungan itu, artikel ini akan memfokuskan pemerhatian terhadap perbincangan ulama silam dan kontemporari berhubung pengertian *syirkah al-milk* dan *syirkah al-‘aqd* serta menganalisis skop limitasi elemen-elemen asas yang diaplikasikan berdasarkan konsep *syirkah al-milk* dan *syirkah al-‘aqd* tersebut.

Seterusnya, artikel ini juga akan melihat penyesuaian fiqah (*takyif fiqhī*) yang jelas dan praktikal bagi kontrak *musyārah mutanāqīshah* berdasarkan tujuan atau objektif pembiayaan supaya olahan terhadap elemen-elemen yang terdapat dalam *musyārah mutanāqīshah* boleh dilaksanakan dengan berkesan.

¹ Diselia oleh Dr. Suhaimi Mohd Yusof.

SEKSYEN SYARIAH, JABATAN PERBANKAN ISLAM DAN TAKAFUL
BANK NEGARA MALAYSIA

**SYIRKAH AL-MILK DAN SYIRKAH AL-‘AQD SEBAGAI ASAS KEPADA
PRODUK PEMBIAYAAN MUSYĀRAKAH MUTANĀQIŞAH:
ANALISIS DARIPADA PERSPEKTIF FIQAH**

Disediakan oleh Mohd Shahril Mat Rani dan Hamzah Kamaruzaman
mshahril@bnm.gov.my ; hamzahk@bnm.gov.my

PENAFIAN: Kertas Kerja Staf Syariah ini mewakili pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan Bank Negara Malaysia atau Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS BNM). Pandangan yang dikemukakan di sini hendaklah disandarkan kepada penulis dan bukan kepada MPS BNM atau Bank Negara. Kertas Kerja Staf Syariah ini diterbitkan sebagai pencetus kepada kajian dan perbincangan yang lebih meluas.

Kata kunci: *Musyāraakah, Musyāraakah Mutanāqīşah, Takyif fiqhī, Syirkah al-milk, Syirkah al-‘aqd*

Dibentangkan dalam Mesyuarat MPS ke-135 pada 28 Mei 2013,
dalam bentuk yang ringkas sesuai dengan jangka waktu yang terhad.

KANDUNGAN

I.	Pengenalan.....	4
II.	Definisi <i>Syirkah al-Milk</i>	7
III.	Definisi <i>Syirkah al-‘Aqd</i>	9
IV.	Perbandingan antara <i>Syirkah al-Milk</i> dengan <i>Syirkah al-‘Aqd</i> berdasarkan Perbahasan <i>Fuqaha</i> Silam.....	10
V.	Pemerhatian Umum Terhadap Perbahasan <i>Fuqaha</i> Kontemporari Berkenaan <i>Takyif Fiqhī Musyārah Mutanāqīshah</i>	12
VI.	Skop Perbincangan <i>Fuqaha</i> Kontemporari.....	14
VII.	Resolusi Badan Penasihat Syariah Dalam Negara dan Antarabangsa.....	16
VIII.	Perbandingan Elemen-elemen dalam Aplikasi <i>Musyārah Mutanāqīshah</i> antara <i>Syirkah al-Milk</i> dan <i>Syirkah al-‘Aqd</i>	18
IX.	Pemerhatian dan Kesimpulan.....	22
X.	Cabaran dan Tinjauan Masa Hadapan.....	23
XI.	Rujukan.....	24

I. Pengenalan


Musyārahah mutanāqīshah merupakan antara salah satu bentuk kontrak yang diaplikasikan dalam produk-produk kewangan Islam terutamanya produk-produk yang melibatkan pembiayaan sama ada pembiayaan tersebut untuk pembelian aset atau pun untuk tujuan perniagaan dan pelaburan.

Antara institusi kewangan dan koperasi terawal di peringkat antarabangsa yang mengaplikasikan konsep *musyārahah mutanāqīshah* dalam pembiayaan perumahan termasuklah *Islamic Cooperative Housing Cooperation*, 1981 di Toronto, Kanada; *Ansar Housing Limited* di United Kingdom; dan *LaRiba Finance House* di Pasadena, California.²

Pada Februari 2006, Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia telah meluluskan cadangan penawaran produk pembiayaan perumahan berasaskan *musyārahah mutanāqīshah*.³ Secara umumnya, produk pembiayaan perumahan berasaskan *musyārahah mutanāqīshah* ini diperkenalkan sebagai salah satu alternatif di samping produk pembiayaan berasaskan kontrak-kontrak yang lain. Ini kerana konsep *musyārahah mutanāqīshah* diiktiraf pada peringkat global berbanding sebahagian konsep yang hanya diterima pakai di Malaysia sahaja.

Ringkasan konsep pembiayaan berasaskan *musyārahah mutanāqīshah* ialah seperti yang dipaparkan dalam Rajah 1 yang berikut:

Rajah 1: Contoh pembiayaan *musyārahah mutanāqīshah*



² Masalah Perumahan Negara: Pendekatan Koperasi Kopsya Angkasa, Prof. Dato' Dr. Hj. Mohd Ali Hj. Baharum.

³ Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, Bank Negara Malaysia, Edisi Kedua Oktober 2010.

Keterangan:

1. Pelanggan yang ingin membeli harta tanah memohon pembiayaan daripada Institusi Kewangan Islam (IKI). IKI dan pelanggan menyediakan modal untuk membeli harta tanah tersebut secara bersama berdasarkan bahagian yang ditentukan contohnya 90:10 bergantung pada pembiayaan yang dipohon. Bayaran pendahuluan oleh pelanggan dikira sebagai bahagian permulaan pemilikan.
2. Kemudian bahagian yang dimiliki oleh IKI disewakan (*ijārah*) kepada pelanggan dengan jumlah sewaan yang dipersetujui.
3. Seterusnya pelanggan membayar sewaan tersebut secara ansuran bagi membeli bahagian aset yang dimiliki IKI secara berperingkat sehingga keseluruhan bahagian pemilikan IKI dimiliki sepenuhnya oleh pelanggan.
4. Pada akhir tempoh *ijārah* dan selepas tamat pembayaran semua sewaan, pelanggan akan mendapat semua bahagian pemilikan IKI terhadap harta tanah berkenaan dan perkongsian akan berakhir di mana pelanggan tersebut akan menjadi pemilik tunggal harta tanah berkenaan.

Di Malaysia, jumlah pembiayaan yang berasaskan kontrak *musyārahah mutanāqīshah* menunjukkan peningkatan iaitu daripada RM 7.1 bilion pada tahun 2013 kepada 14.7 bilion pada tahun 2015⁴. Begitu juga di peringkat global, konsep *musyārahah mutanāqīshah* ini diterima secara meluas di Timur Tengah, Pakistan, Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom dan Australia. Oleh sebab itu, pasaran dijangka akan menyaksikan jumlah pembiayaan aset yang lebih besar lagi dengan pemakaian konsep *musyārahah mutanāqīshah*⁵.

Sungguhpun pengaplikasiannya agak meluas dalam konteks amalan semasa, namun bentuk-bentuk kontraknya dan jenis-jenis elemen yang diterima Syarak perlu difahami dan dikenalpasti. Dalam memahami isu ini, hendaklah diketahui terlebih dahulu perkara asas yang menjadi tunjang kepada *musyārahah mutanāqīshah* itu sendiri.

Secara umumnya, *musyārahah mutanāqīshah* masih lagi tertakluk kepada syarat-syarat pembentukan *syirkah* atau *musyārahah*. Walau bagaimanapun, dari aspek *takyif fiqhī*, para ulama masa kini masih berselisih pandangan sama ada ia merupakan *syirkah al-milk* atau *syirkah al-‘aqd*.

Walaupun konsep dan ciri-ciri *syirkah al-‘aqd* dan *syirkah al-milk* telah dibahaskan oleh *fuqaha* silam, namun dalam menentukan *takyif fiqhī musyārahah mutanāqīshah*, para *fuqaha* khususnya *fuqaha* kontemporari telah memberikan *takyif fiqhī* yang berbeza-beza berdasarkan penelitian dan kajian mereka.

Apabila diteliti kajian dan perbincangan ulama kontemporari terhadap *musyārahah mutanāqīshah*, secara umumnya dapat difahami bahawa perbezaan tersebut berlaku kerana terdapat skop dan objektif yang berlainan dalam pemeteraian kontrak *musyārahah mutanāqīshah*.

Tambahan pula, terdapat beberapa elemen baharu yang dimasukkan dalam *musyārahah mutanāqīshah* seperti *wa‘d*, *ibra’*, *ijārah* dan sebagainya yang menyebabkan perlunya *musyārahah mutanāqīshah* disesuaikan dengan *takyif fiqhī* yang jelas supaya kemasukan

⁴ Sumber: Jabatan Perbankan Islam dan Takaful, Bank Negara Malaysia.

⁵ *Islamic Finance Research 21 January 2010, KFH Research Ltd. 2010.*

elemen-elemen tersebut tidak menjejaskan objektif pemeteraian *musyārahah mutanāqīshah* secara khusus dan *musyārahah* secara amnya.

Sehubungan itu, perbincangan dalam artikel ini diolah dengan merangkumkan bahagian-bahagian seperti berikut:

- Perbincangan umum dan perbandingan antara definisi *syirkah al-‘aqd* dengan *syirkah al-milk* dalam kalangan *fuqaha* silam.
- Pemerhatian umum dan analisis terhadap perbincangan *fuqaha* kontemporari berkenaan *takyif fiqhī musyārahah mutanāqīshah*.
- Perbandingan pelaksanaan elemen-elemen asas dan tambahan dalam *musyārahah mutanāqīshah*.
- Pemerhatian dan kesimpulan.
- Cabaran dan tinjauan masa hadapan

II. Definisi *Syirkah al-Milk*

Dalam meneliti definisi *syirkah al-milk*, perbincangan *fuqaha* silam khususnya *fuqaha* daripada empat mazhab muktabar dirujuk seperti yang dinyatakan berikut:

(a) *Fuqaha Hanafiyyah*

Al-Sarakhsī, al-Samarqandī dan al-Kāsānī dari kalangan *fuqaha* mazhab *Hanafi* menyatakan bahawa *syirkah al-milk* ialah suatu perkongsian dua orang dalam pemilikan harta, yang mana ia terbahagi kepada dua bentuk:

- (i) Pemilikan yang terhasil tanpa melibatkan tindakan kedua-dua rakan kongsi, contoh pemilikan harta warisan.
- (ii) Pemilikan yang terhasil dengan sebab perbuatan kedua-dua rakan kongsi, contoh pembelian bersama, sedekah atau wasiat.

Hukum kedua-dua bentuk tersebut ialah sama, di mana apa-apa yang bertambah (untung) adalah menjadi perkongsian antara mereka dengan kadar pemilikan dan setiap rakan kongsi adalah terasing (*ajnabi*) dalam urusan (*taşarruf*) bahagian rakan kongsi yang lain dan dia tidak boleh bertindak ke atas bahagian rakan kongsiya melainkan dengan izin rakan kongsi tersebut.⁶

(b) *Fuqaha Mālikiyyah*

Ibn 'Arafah daripada *fuqaha Mālikiyyah* menyebut bahawa perkongsian umum (*as-syirkah al-a'ammīyyah*) ialah suatu bentuk perkongsian untuk aset yang bernilai (*taqarrur mutamawwal*) antara dua pemilik atau lebih dalam bentuk pemilikan sahaja, seperti perkongsian warisan (*syirkah al-irth*) dan harta rampasan perang (*ghanimah*).⁷

(c) *Fuqaha Syāfi' iyyah*

Secara umumnya, *fuqaha Syāfi' iyyah* tidak mendefinisikan secara khusus mengenai *syirkah al-milk*, namun terdapat sebahagian *fuqaha Syāfi' iyyah* merangkumkannya dalam definisi *syirkah* secara umum iaitu hak yang telah tetap bagi dua orang atau lebih dalam sesuatu benda yang tidak dapat dibahagikan. Definisi ini juga merangkumi *syirkah 'inan* dan sebagainya.⁸

⁶ Al-Sarakhsī, *Al-Mabsūṭ*, jilid 11 hlm.151 cet. *Dār al-Ma'rifah, Beirut*. Muḥammad 'Alā'uddīn Al-Samarqandī, *Tuḥfah al-Fuqaha*, jilid 3 hlm.5 cet. *Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut*. Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Şanā'i'*, jilid 6 hlm.56 cet. *Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah*.

(فَشْرَكَهُ الْمَلِكُ) أَنْ يَشْتَرِكَ رَجُلَانِ فِي مَالٍ، وَذَلِكَ نَوْعَانِ: تَأْيِثٌ بِغَيْرِ فِعْلِهِمَا كَالْمِيرَاثِ، وَتَأْيِثٌ بِفِعْلِهِمَا، وَذَلِكَ يَقْبُولُ الشَّرَاءَ، أَوْ الصَّدَقَةَ أَوْ الْوَصِيَّةَ وَالْحُكْمَ وَاحِدٌ، وَهُوَ أَنْ مَا يَتَوَلَّدُ مِنَ الزِّيَادَةِ يَكُونُ مُشْتَرَكًا بَيْنَهُمَا بِقَدْرِ الْمَلِكِ، وَكُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا بِمَنْزِلَةِ الْأَجْنَبِيِّ فِي التَّصَرُّفِ فِي نَصِيبِ صَاحِبِهِ.

⁷ Al-Kharāshī, *Syarh Mukhtaşar Khalīl*, jilid 6 hlm.36 cet. *Dār Şādir*. Al-Nafrawī, *Al-Fawākih al-Dawānī Syarh Bākūrah al-Sa'ad*, jilid 2 hlm.271 cet. *Muşţafa al-Halabī*. Al-Tasūli, *Al-Bahjah Syarh al-Tuḥfah*, jilid 2 hlm. 209 cet. *Muşţafa al-Halabī*.

وَ عَرَفَهَا ابْنُ عَرَفَةَ بِقَوْلِهِ الشَّرِكَةُ الْأَعْمِيَّةُ تَقَرَّرُ مَتَمَوْلٍ بَيْنَ مَالِكَيْنِ فَأَكْثَرَ مَلِكًا فَقَطُّ وَالْأَخْصِيَّةُ بَيْعُ مَالِكٍ كُلِّ بَعْضِهِ بِبَعْضِ كُلِّ الْآخَرِ مُوجِبٌ صِحَّةَ تَصَرُّفِهِمَا فِي الْجَمِيعِ.

⁸ Zakariya Al-Anşārī, *Hāsyiah al-Syarqāwī 'ala Tuḥfah al-Ṭullab*, jilid 2 hlm.109. Khatīb Syirbinī, *Mughni al-Muḥtāj Syarh Minhāj al-Ṭālibīn*, jilid 2 hlm.211. Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, *Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, jilid 26 hlm.21.

وَلَيْسَ يُخَالِفُ أَحَدٌ مِنْ أَهْلِ الْفِقْهِ خِلَافًا يُذَكِّرُ فِي ثُبُوتِ شَرِكَةِ الْمَلِكِ، عَلَى هَذَا النُّحْوِ الَّذِي ذَكَرَهُ الْحَنْفِيُّ، وَإِنْ لَمْ يُصَرِّحْ بَعْضُهُمْ بِاسْمِهَا بَلْ يَتَعَمَّدُ كَثِيرٌ مِنْهُمْ أَنْ يَجْمَعُوهَا فِي تَعْرِيفِ وَاحِدٍ مَعَ شَرِكَةِ الْعَقْدِ، كَمَا فَعَلَ بَعْضُ الشَّافِعِيِّ، إِذْ عَرَفَتِ الشَّرِكَةُ مُطْلَقًا بِأَنَّهَا: (ثُبُوتُ الْحَقِّ فِي شَيْءٍ لِأَتَيْنِ فَأَكْثَرَ عَلَى جِهَةِ الشُّبُوحِ).

(d) *Fuqaha Hanābilah*

Al-Raḥibānī⁹ daripada *fuqaha Hanābilah* menyatakan bahawa *syirkah* mengandungi dua bentuk. Salah satunya ialah perkongsian dalam mendapatkan hak-hak, contohnya;

- (i) pewarisan, seperti dua orang atau lebih memiliki seorang hamba, rumah atau sebagainya;
- (ii) wasiat, seperti dua orang atau lebih mewarisi seorang hamba atau seumpamanya yang diwasiatkan manfaat untuk pihak lain, maka pewaris berkongsi pada *raqabah* (pemilikan fizikal) sahaja;
- (iii) hadiah dalam bentuk aset nyata seperti pemilikan dua atau lebih ke atas seorang hamba atau seumpamanya dengan cara *hibah* atau harta rampasan perang (*ghanimah*), atau dalam bentuk manfaat seperti diwasiatkan bagi dua orang atau lebih dengan manfaat hamba maka penerima wasiat adalah berkongsi pada manfaat bukan pada pemilikan fizikal (*raqabah*).

Berdasarkan kepada pengertian yang dinyatakan oleh fuqaha silam tersebut, dapat disimpulkan bahawa ciri utama *syirkah al-milk* ialah pemilikan setiap rakan kongsi adalah eksklusif dan terhad ke atas bahagian kepunyaannya sahaja. Oleh itu, dia tidak mempunyai hak ke atas bahagian rakan kongsi yang lain dan dia tidak boleh bertindak terhadap milikan rakan kongsi lain kecuali setelah mendapat keizinan daripadanya.

⁹ Al-Raḥibānī, *Maṭālib ‘ulī al-Nuhā*, jilid 3 hlm.494 cet. Beirut.

وَهِيَ (قِسْمَانِ) : أَحَدُهُمَا (اجْتِمَاعٌ فِي اسْتِحْقَاقِ كَشْرِكَةِ إِرْثٍ) ; بِأَنَّ مَلِكًا ائْتَانِ أَوْ جَمَاعَةً عِبْدًا أَوْ دَارًا أَوْ نَحْوَهُمَا (وَوَصِيَّةً) ; كَمَا لَوْ وَرِثَ ائْتَانِ أَوْ جَمَاعَةً عِبْدًا أَوْ نَحْوَهُ مُوصِيًا بِنَفْعِهِ لِأَجْنَبِيٍّ , فَإِنَّ الْوَرِثَةَ شُرَكَاءُ فِي رِقَابِهِ فَقَطُّ . (وَهِيَ فِي عَيْنٍ) ; كَمَلِكِ ائْتَيْنِ أَوْ أَكْثَرَ عِبْدًا أَوْ نَحْوَهُ بِهَبَةٍ أَوْ مَعْتَمٍ , (أَوْ مَنفَعَةً) دُونَ الْعَيْنِ ; كَمَا لَوْ وَصَّى لِائْتَيْنِ أَوْ أَكْثَرَ بِمَنفَعَةٍ عِبْدٍ أَوْ نَحْوِ ذَلِكَ ; فَإِنَّ الْمُوصَى لَهُمْ شُرَكَاءُ فِي الْمَنفَعَةِ دُونَ الرِّقَابَةِ .

III. Definisi *Syirkah al-‘Aqd*

Dalam menjelaskan pengertian *syirkah al-‘aqd* pada sudut pandangan *fuqaha* silam, perbincangan daripada empat mazhab fiqah muktabar telah dirujuk seperti yang berikut:

(a) *Fuqaha Hanafiyyah*

Ibn ‘Abidīn menyatakan bahawa *syirkah al-‘aqd* merujuk kepada suatu kontrak yang dimeterai antara rakan-rakan kongsi untuk bersama menyalurkan modal pelaburan dan berkongsi keuntungan.¹⁰

(b) *Fuqaha Mālikiyyah*

Ibn ‘Arafah memberi pengertian bahawa ia merupakan suatu perkongsian khusus (*al-syirkah al-akhaṣṣiyyah*) iaitu rakan kongsi boleh menjual sama ada milikannya atau milikan rakan kongsi yang lain yang mana mereka mempunyai syarat keabsahan dalam menguruskan pemilikan semua (setiap rakan kongsi adalah wakil yang lain dalam urusan pemilikan mereka). Contohnya perkongsian perniagaan (*syarikah al-tajri*), perkongsian kemahiran (*syarikah al-abdān*) dan perkongsian perladangan (*syarikah al-harth*).¹¹

(c) *Fuqaha Syāfi‘iyyah*

Al-Syarqāwī menyebut bahawa ia merupakan suatu kontrak yang dimeterai oleh beberapa ahli (rakan kongsi) bagi memberikan hak yang tidak spesifik dalam sesuatu perkongsian tersebut. Dalam pemeteraian kontrak ini juga sudah terdapat keizinan bagi rakan kongsi untuk bertindak ke atas bahagian rakan kongsi yang lain.¹²

(d) *Fuqaha Hanābilah*

Ibn Qudāmah menyimpulkan bahawa maksud *syirkah al-‘aqd* ialah persepakatan dalam melaksanakan sesuatu tindakan (dalam perkongsian modal dan keuntungan).¹³

Berdasarkan kepada definisi-definisi *syirkah al-‘aqd* seperti yang dinyatakan, maka dapat dirumuskan bahawa ciri utama *syirkah al-‘aqd* ialah perkongsian oleh rakan-rakan kongsi bagi menjalankan suatu kerja atau perniagaan yang mana setiap rakan kongsi adalah wakil bagi yang lain dalam menjalankan sesuatu kerja atau perniagaan tersebut.

¹⁰ Ibn ‘Abidīn, *Rad al-Muhtār ‘alā al-Dur al-Mukhtār*, jilid 3 hlm. 332 cet. *Iḥyā’ al-Turāth*.

وَشُرْعًا (عِبَارَةٌ عَنْ عَقْدٍ بَيْنَ الْمُتَشَارِكِينَ فِي الْأَصْلِ وَالرَّيْحِ)

¹¹ Al-Kharāsyī, *Syarh Mukhtaṣar Khalīl*, jilid 6 hlm.36 cet. *Dār Ṣādir*. Al-Nafrawī, *Al-Fawākih al-Dawānī Syarh Bākūrah al-Sa‘ad*, jilid 2 hlm.271 cet. *Muṣṭafa al-Halabī*. Al-Tasūli, *Al-Bahjah Syarh al-Tuḥfah*, jilid 2 hlm. 209 cet. *Muṣṭafa al-Halabī*.

وَعَرَفَهَا ابْنُ عَرَفَةَ بِقَوْلِهِ الشَّرْكَةُ الْأَعْمَى تَقَرَّرُ مَتَمَوْلًا بَيْنَ مَالِكِينَ فَأَكْثَرَ مَلَكًا فَقَطُّ وَالْأَخْصِيَّةُ بَيْعُ مَالِكٍ كُلِّ بَعْضِهِ بِبَعْضِ كُلِّ الْأَخْرَ مُوجِبٌ صِحَّةً تَصَرُّفِيهَا فِي الْجَمِيعِ. فَيَدْخُلُ فِي الْأَوَّلِ شَرْكَةُ الْإِرْثِ وَالْغَنِيمَةِ لَا شَرْكَةَ التَّجَرِّ وَهُمَا فِي الثَّانِيَةِ عَلَى الْعَكْسِ وَشَرْكَةُ الْأَبْدَانِ وَالْحَرْثِ بِإِغْتِبَارِ الْعَمَلِ فِي الثَّانِيَةِ.

¹² *Hāsyiah al-Syarqāwī ‘ala Tuḥfah al-Ṭullab*, jilid 2 hlm.109 cet. *Muṣṭafa al-Halabī*.

"عقد يثبت به حق شائع في شيء لمتعدد" وفي الحاشية "إلا أن يراد بالعقد الإذن في التصرف"

¹³ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, jilid 5 hlm. 109 cet. *Al-Kitāb al-‘Arabī*. Al-Raḥībanī, *Maṭālib ‘ulī al-Nuhā*, jilid 3 hlm.494 cet. Beirut.

وَعَرَفَ الْحَنَابِلَةُ شَرْكَةَ الْعَقْدِ بِأَنَّهَا "اجْتِمَاعٌ فِي تَصَرُّفٍ"

IV. Perbandingan antara *Syirkah al-Milk* dengan *Syirkah al-‘Aqd* Berdasarkan Perbahasan *Fuqaha Silam*

Bagi mendapatkan gambaran yang jelas berkenaan perbezaan yang ketara antara *syirkah al-milk* dan *syirkah al-‘aqd*, beberapa skop perbandingan telah dibuat seperti yang berikut:

Bil.	Skop Perbandingan	<i>Syirkah al-Milk</i>	<i>Syirkah al-‘Aqd</i>
1	Interpretasi definisi	<ul style="list-style-type: none"> Merujuk kepada perkongsian untuk mendapatkan hak milikan iaitu perkongsian dalam hak-hak tertentu di mana setiap rakan kongsi berhak ke atas bahagiannya sama ada terhadap aset fizikal (<i>‘ain</i>) yang dikongsi ataupun manfaat aset tersebut. 	<ul style="list-style-type: none"> Lebih menjurus kepada perkongsian untuk melakukan sesuatu kerja di mana setiap rakan kongsi bergandingan dalam melaksanakan kerja dan menguruskan syarikat dan menjalankan projek.
2	Tabiat akad	<ul style="list-style-type: none"> Tiada akad khusus, di mana perkongsian boleh berlaku sama ada secara pilihan (<i>ikhtiyār</i>) seperti pemilikan perkongsian atau tanpa pilihan (<i>ijbār</i>) seperti pemilikan melalui pemberian hadiah, wasiat atau faraid. 	<ul style="list-style-type: none"> Akad perkongsian hanya berlaku atas kehendak (<i>redha</i>) semua rakan kongsi yang terlibat dan <i>syirkah</i> tersebut akan diuruskan secara bersama. Pemeteraian akad hanya terhasil dengan <i>tjāb</i> dan <i>qabūl</i> antara rakan-rakan kongsi.
3	Obligasi ke atas pemilikan	<ul style="list-style-type: none"> Obligasi setiap rakan kongsi berdasarkan kadar pemilikan masing-masing kerana dalam <i>syirkah al-milk</i> pemilikan setiap rakan kongsi adalah terasing (<i>ajnabi</i>). 	<ul style="list-style-type: none"> Dalam <i>syirkah al-‘aqd</i> pemilikannya adalah secara bersama (setiap rakan kongsi merupakan wakil bagi yang lain), oleh itu setiap rakan kongsi akan menanggung bersama obligasi dalam perkongsian milikan tersebut.

Bil.	Skop Perbandingan	<i>Syirkah al-Milk</i>	<i>Syirkah al-'Aqd</i>
4	Pembahagian keuntungan	<ul style="list-style-type: none"> Pulangan atau keuntungan hendaklah sama dengan kadar pemilikan bagi setiap rakan kongsi. 	<ul style="list-style-type: none"> Pulangan atau keuntungan boleh dipelbagaikan sama ada merujuk kepada kadar perkongsian atau tanpa melihat kepada kadar perkongsian oleh setiap rakan kongsi.
5	Liabiliti ke atas kerugian	<ul style="list-style-type: none"> Liabiliti ke atas kerugian adalah berdasarkan jumlah pemilikan dalam perkongsian tersebut. 	<ul style="list-style-type: none"> Liabiliti ke atas kerugian ditanggung oleh setiap rakan kongsi berdasarkan peratus sumbangan modal yang dilaburkan.
6	Hubungan antara rakan kongsi	<ul style="list-style-type: none"> Pemilikan adalah bersifat terasing (<i>ajnabi</i>), oleh sebab itu setiap rakan kongsi tidak memiliki kebebasan untuk bertindak ke atas bahagian rakan kongsi yang lain melainkan dengan izin rakan kongsi tersebut. 	<ul style="list-style-type: none"> Setiap rakan kongsi adalah wakil untuk bertindak bagi rakan kongsi yang lain dalam menjalankan urusan di mana keizinan bagi rakan kongsi telah ada secara implisit semasa kontrak perkongsian dimeterai.

V. Pemerhatian Umum Terhadap Perbahasan *Fuqaha* Kontemporari Berkenaan *Takyif Fiqhī Musyārah Mutanāqīshah*

Para *fuqaha* kontemporari turut membahaskan pelaksanaan *musyārah mutanāqīshah* dengan memberikan *takyif fiqhī* yang berbeza-beza berdasarkan kepada kefahaman mereka berhubung objektif dan tujuan *musyārah mutanāqīshah* dilaksanakan.

Berdasarkan pemerhatian umum terhadap perbahasan *fuqaha* kontemporari, maka dapat disimpulkan bahawa terdapat empat pandangan berhubung *takyif fiqhī* bagi *musyārah mutanāqīshah*:

Pandangan pertama: *Syirkah al-milk (ikhtiyārī)*

Antara ulama yang berpendapat sedemikian ialah Dr. Hasan al-Syāzilī, Dr. Nazeḥ Kamal Hammad dan Dr. Qutb Mustafa Sano.

Pandangan mereka berdasarkan kepada asas-asas berikut:

- (a) Aset yang dipersetujui dalam perkongsian adalah dalam bentuk fizikal (*a'yān*) contohnya harta tanah, kilang, kapal laut, kapal terbang dan lain-lain.
- (b) Dengan hanya persetujuan rakan kongsi untuk memiliki sesuatu barang tertentu, maka ia dikira *syirkah al-milk*.
- (c) Tujuan utama akad ialah untuk membolehkan salah satu pihak memiliki suatu barangan atau pun projek yang mempunyai pulangan.

Pandangan kedua: *Syirkah al-'aqd*

Antara ulama yang berpendapat sedemikian ialah Sheikh Dr. Wahbah Al-Zuhailī, Dr. Ahmad Mahyuddin, Prof. Ayatullah Muhammad Ali at-Taskhīrī, Dr. Abdul Sattar Abu Ghuddah, Dr. Muhammad Usman Shubair dan Dr. Amerah Abdul Latif.

Pandangan mereka berdasarkan kepada asas-asas berikut:

- (a) *Sīghah musyārah mutanāqīshah* bermula dengan akad *syarikah al-'inān*¹⁴.
- (b) Terdapat *wa'd* daripada salah satu pihak untuk menjual bahagian kepada rakan kongsi.
- (c) *Syarikah* ini berakhir dengan satu akad jual beli yang berasingan.
- (d) Tujuan utama akad adalah menjalankan kontrak dengan maksud untuk mendapatkan keuntungan dan melaburkan harta (aset).
- (e) Perkongsian dalam modal berlaku pada semua pihak dengan tujuan mendapatkan keuntungan bagi semua pihak.

¹⁴ *Syarikah al-'inān* merujuk kepada akad perkongsian antara dua orang rakan kongsi atau lebih dengan modal yang diketahui dan setiap rakan kongsi berhak untuk bertindak terhadap perkongsian tersebut. Pembahagian keuntungan ditentukan berdasarkan persetujuan manakala kerugian ditanggung berdasarkan kadar modal yang disumbangkan.

Pandangan ketiga: Berubah-ubah antara *syirkah al-milk* dan *syirkah al-'aqd*

Antara ulama yang berpendapat sedemikian ialah Sheikh Muhammad Taqi Usmani dan Dr. Ali Ahmad Al-Sālus. Pandangan mereka ini berdasarkan kepada asas-asas yang berikut:

- (a) Apabila tujuan perkongsian dalam *musyārahah mutanāqīṣah* adalah untuk pembiayaan perumahan atau kenderaan, maka ia ditakyifkan sebagai *syirkah al-milk*.
- (b) Apabila tujuan perkongsian dalam *musyārahah mutanāqīṣah* adalah untuk pelaburan dalam aset *mustaghallāt* (aset tetap tapi berkembang) dan *mudakharāt* (simpanan) maka ia ditakyifkan sebagai *syirkah al-'aqd*.

Pandangan keempat: *Musyārahah mutanāqīṣah* ialah satu kontrak tersendiri

Ini merupakan pandangan daripada Dr. 'Ajīl al-Nasymī berdasarkan kepada asas-asas yang berikut:

- (a) *Musyārahah mutanāqīṣah* ialah suatu kontrak baharu yang dicipta di mana ia berakhir dengan pemilikan rakan kongsi dengan cara jual beli.
- (b) Ia bukan *wakālah* antara pihak yang berkontrak.
- (c) Tidak ada kebebasan pada rakan kongsi dalam menjalankan urusan ke atas bahagian rakan kongsi yang lain.
- (d) Ia juga bukan bayaran kepada seseorang yang melakukan kerja sehingga boleh dikatakan sebagai *mudārabah*.
- (e) Ia tidak dianggap sebagai *syarikah 'inān* kerana maksud *'inān* adalah untuk melaburkan modal.
- (f) Pembahagian keuntungan yang diperoleh tidak boleh berbeza dengan bahagian modal yang diberikan.

VI. Skop Perbincangan *Fuqaha* Kontemporari

Di samping melihat kepada kepelbagaian pengertian dan *takyif fiqhī* yang dibuat oleh para *fuqaha* kontemporari, beberapa ciri penting dalam *musyarakah mutanāqīshah* juga turut diberi perhatian dalam menganalisis *takyif fiqhī* yang sesuai untuk kontrak *musyarakah mutanāqīshah* ini. Skop-skop perbincangan *fuqaha* kontemporari yang dianalisis adalah seperti yang berikut:

(1) Pembelian atau penjualan bahagian perkongsian kepada rakan kongsi atau pihak ketiga sama ada dengan harga pasaran atau harga nominal

Merujuk kepada perbincangan beberapa *fuqaha* kontemporari berkenaan pembelian atau penjualan bahagian perkongsian tersebut, dapat disimpulkan bahawa sekiranya *takyif fiqhī* yang dipakai ialah *syirkah al-milk* maka rakan kongsi (pihak bank) tersebut boleh menjual bahagiannya kepada pelanggan atau pihak ketiga yang mana pihak berkontrak berhak untuk memilih cara bagi menentukan harga ketika kontrak dibuat kerana ia berdasarkan keredaan dan kebebasan berkontrak sama ada dengan harga pasaran atau nominal¹⁵.

Namun sekiranya ia ditakyifkan sebagai *syirkah al-'aqd*, maka pembelian bahagian rakan kongsi perlu dibuat dengan harga pasaran atau harga yang dipersetujui semasa pembelian dibuat, di mana pihak berkontrak tidak boleh mensyaratkan penjualan dengan harga nominal kerana ia akan membawa kepada jaminan bahagian rakan kongsi tersebut¹⁶.

(2) Sewaan kepada rakan kongsi atau pihak lain sama ada sebahagian atau pun secara keseluruhan

Berdasarkan kepada perbincangan *fuqaha* kontemporari berkenaan sewaan kepada rakan kongsi atau pihak lain, dapat disimpulkan bahawa rakan kongsi boleh bersetuju untuk menyewakan kepada rakan kongsi yang lain atau pun kepada pihak ketiga dengan nilai sewaan yang dipersetujui dengan memeterai kontrak *ijārah* yang berasingan¹⁷. Sekiranya sewaan dibuat kepada pihak ketiga, hasil sewaan perlu dibahagikan mengikut bahagian pemilikan masing-masing¹⁸.

¹⁵Dr.Qutb Mustafa Sano dalam kertas kajian: *Musyarakah Mutanāqīshah wa Dawābiṭuhā al-Syar'iyyah*, dibentangkan pada Persidangan ke-15 *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* pada 2004 – 1424H di Muscat, Oman.

¹⁶Dr.Abd Sattar Abu Ghuddah dalam kertas kajian: *Musyarakah Mutanāqīshah Dawābiṭuhā al-Syar'iyyah* dan Dr.Husein Kamel Fahmi dalam kertas kajian: *'Aqd Musyarakah Mutanāqīshah* yang dibentangkan pada Persidangan ke-15 *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* pada 2004 – 1424H di Muscat, Oman. Dr.Wahbah al-Zuhailī dalam kertas kajian: *Musyarakah Mutanāqīshah wa Ṣuwaruhā fi Dū' Dawābiṭ al-'Uqūd al-Mustajiddah* dan Dr.'Ajīl al-Nasymī dalam kertas kajian: *Musyarakah Mutanāqīshah wa Ṣuwaruhā fi Dū' Dawābiṭ al-'Uqūd al-Mustajiddah* yang dibentangkan pada Persidangan ke-13 *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* pada 2001 – 1422H di Kuwait.

¹⁷Dr.Qutb Mustafa Sano dalam kertas kajian: *Musyarakah Mutanāqīshah Dawābiṭuhā al-Syar'iyyah*, dibentangkan pada Persidangan ke-15 *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* pada 2004 – 1424H di Muscat, Oman. Dr.Hasan Ali Al-Syāzilī dalam kertas kajian: *Musyarakah Mutanāqīshah wa Ṣuwaruhā fi Dū' Dawābiṭ al-'Uqūd al-Mustajiddah*, dibentangkan pada Persidangan ke-13 *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* pada 2001 – 1422H di Kuwait.

¹⁸Dr.Nazeh Kamal Hammad dalam kertas kajian: *Musyarakah Mutanāqīshah wa Ahkāmuhā fi Dū' al-'Uqūd al-Mustajiddah* dibentangkan pada Persidangan ke-13 *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* pada 2001 – 1422H di Kuwait. Dr.Abd Sattar Abu Ghuddah dalam kertas kajian: *Musyarakah Mutanāqīshah Dawābiṭuhā al-Syar'iyyah* dibentangkan pada Persidangan ke-15 *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* pada 2004 – 1424H di Muscat, Oman.

(3) Wa'd untuk membeli atau menjual pada masa hadapan

Berdasarkan kepada analisis berkenaan *wa'd* untuk membeli atau menjual pada masa hadapan dalam perbincangan beberapa *fuqaha* kontemporari, secara umumnya dapat disimpulkan bahawa rakan kongsi boleh membuat *wa'd* untuk membeli atau menjual bahagiannya kepada rakan kongsi yang lain. Kesan daripada *wa'd* ini, rakan kongsi akan menyerahkan bahagiannya secara berperingkat sehingga keluar daripada *musyarakah* tersebut, seterusnya rakan kongsi yang lain akan mendapat hak pemilikan sepenuhnya ke atas perkongsian tadi. Namun begitu, penetapan harga pembelian/penjualan semasa *wa'd* dilakukan bergantung kepada bentuk *takyif fiqhī musyarakah mutanāqishah* tersebut. Sekiranya ia ditakyiikan sebagai *syirkah al-milk* maka harga tersebut boleh ditentukan semasa *wa'd* dibuat ataupun pada masa pembelian dilakukan kerana setiap rakan kongsi mempunyai pemilikan yang terasing (*ajnabi*) kepada rakan kongsi yang lain, oleh itu tidak timbul unsur jaminan modal dalam situasi ini. Manakala, dalam *takyif syirkah al-'aqd* harga hanya boleh ditentukan semasa pembelian dilaksanakan kerana pemilikan ke atas aset dalam bentuk perkongsian di mana semua pihak perlu menanggung risiko keseluruhan aset, jika harga ditetapkan semasa *wa'd* ia akan membawa kepada jaminan modal bagi rakan kongsi yang lain.¹⁹

¹⁹ Dr.Abd Sattar Abu Ghuddah dalam kertas kajian: *Musyarakah Mutanāqishah Ḍawābiṭuhā al-Syar'iyyah*, Dr.Husein Kamel Fahmi dalam kertas kajian: *'Aqd Musyarakah Mutanāqishah*, Dr.Quṭb Mustafa Sano dalam kertas kajian: *Musyarakah Mutanāqishah Ḍawābiṭuhā al-Syar'iyyah* dibentangkan pada Persidangan ke-15 *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* pada 2004 – 1424H di Muscat, Oman. Dr.Wahbah al-Zuhailī dalam kertas kajian: *Musyarakah Mutanāqishah wa Ṣuwaruhā fi Ḍū' Ḍawābiṭ al-'Uqūd al-Mustajiddah* dibentangkan pada Persidangan ke-13 *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* pada 2001 – 1422H di Kuwait.

VII. Resolusi Badan Penasihat Syariah Dalam Negara dan Antarabangsa

Selain merujuk perbincangan *fuqaha* silam dan kontemporari, keputusan-keputusan daripada badan-badan penasihat Syariah dalam dan luar negara berkenaan konsep *musyarakah mutanāqishah* turut dirujuk seperti yang berikut:

(1) Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS)²⁰

- (a) Dalam Mesyuarat MPS ke-56, 6 Februari 2006, MPS memutuskan bahawa *musyarakah mutanāqishah* tergolong dalam *syirkah al-‘inān*.
- (b) Dalam Mesyuarat MPS ke-63, 27 Disember 2006, MPS memutuskan bahawa *musyarakah mutanāqishah* bagi pembiayaan rumah termasuk dalam kategori *syirkah al-milk*.
- (c) Dalam Mesyuarat MPS ke-135, 28 Mei 2013, MPS telah memutuskan bahawa *musyarakah mutanāqishah* boleh distrukturkan berdasarkan kepada kedua-kedua *takyif fiqhī*, *syirkah al-milk* dan *syirkah al-‘aqd* berdasarkan tujuan utama pemeteraian *musyarakah mutanāqishah*. *Musyarakah mutanāqishah* yang dimeterai bagi tujuan pembiayaan pembelian aset (*financing asset aquisition*) hendaklah distrukturkan berdasarkan *syirkah al-milk*, manakala *musyarakah mutanāqishah* yang dimeterai bagi tujuan perkongsian perniagaan dan pelaburan (*business venture and investment*) hendaklah distrukturkan berdasarkan *syirkah al-‘aqd*.

Keputusan MPS dalam mesyuarat ke-135 tersebut telah dimasukkan ke dalam Dokumen Polisi *Musyarakah* berkaitan peruntukan-peruntukan *musyarakah mutanāqishah* yang telah diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia.²¹

(2) Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

“*Musyarakah mutanāqishah* ialah instrumen baru bagi produk *musyarakah* dan telah diperkenalkan di Mesir. Sebahagian besar *fuqaha* semasa sepakat menerimanya sebagai antara kaedah dalam pasaran modal. Ini kerana ia mengandungi beberapa unsur yang tidak bercanggah dengan nas dan kaedah umum Syariah. Unsur tersebut ialah:

- (a) Syarikat *‘Inān*;
- (b) Janji daripada institusi kewangan untuk menjual bahagiannya kepada rakan kongsi; dan
- (c) Institusi menjual kesemua bahagian sahamnya kepada rakan kongsi secara keseluruhan atau sebahagian.”²²

(3) *Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī OIC*

Merujuk kepada resolusi *Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī OIC* pada mesyuarat ke-15 bertarikh 6-11 Mac 2004 berkenaan *musyarakah mutanāqishah*²³, resolusi tersebut tidak menyatakan secara terang berkenaan *takyif fiqhī* ke atas *musyarakah mutanāqishah*.

²⁰ Sumber: Sekretariat MPS, Jabatan Perbankan Islam dan Takaful, Bank Negara Malaysia.

²¹ Rujuk: *Musyarakah*, BNM/RH/STD 028-7 issued on 20 April 2015, Bank Negara Malaysia.

²² Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Edisi Kedua 2006, h. 16-17.

²³ Resolusi *Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*, No.136 (15/2) Persidangan ke-15, 2004 – 1424H di Muscat, Oman.

Namun, melihat kepada pernyataan dalam resolusi berkenaan parameter *musyarakah mutanāqishah* secara umum, resolusi tersebut lebih menjurus kepada *takyif fiqhī syirkah al-‘aqd*.

Ini berdasarkan pernyataan yang dipetik dalam resolusi tersebut, antaranya seperti berikut :

Kontrak *musyarakah mutanāqishah* adalah memenuhi Syarak sekiranya ia memelihara hukum-hukum umum *syarikah* (perkongsi). Di samping itu ia hendaklah memastikan perkara-perkara berikut:-

- (a) Tiada sebarang janji daripada satu pihak untuk membeli bahagian pihak yang lain berdasarkan harga/nilai bahagian tersebut sewaktu pembentukan perkongsian kerana ini membawa maksud satu pihak menjamin bahagian rakan kongsi. Sebaliknya penetapan harga jualan bahagian hendaklah dibuat berdasarkan harga pasaran pada hari jualan atau berdasarkan persetujuan yang dicapai semasa jualan.
- (b) Perlu dibezakan dengan jelas antara kontrak-kontrak dan obligasi-obligasi yang berkaitan dengan kontrak *musyarakah*.
- (c) Tidak boleh memasukkan klausa yang menyatakan; hak salah satu pihak untuk menuntut kembali sumbangan modal yang telah diberikan (pembiayaan).

(4) Accounting and Auditing Organization For Islamic Financial Institution (AAOIFI)

Dalam Piawaian Syariah AAOIFI berhubung kontrak *musyarakah* telah menyatakan bahawa pengoperasian *musyarakah mutanāqishah* perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan dalam *syirkah al-‘inān*.²⁴

(5) Majelis Ulama Indonesia (MUI)

“Pedoman Implementasi *Musyarakah Mutanāqishah* dalam Produk Pembiayaan

Prinsip yang digunakan dalam produk ini adalah akad *musyarakah mutanāqishah*. *Syirkah* dalam akad *musyarakah mutanāqishah* adalah *syirkah al-‘inān*.²⁵

²⁴ AAOIFI, Piawaian Syariah *Syirkah (Musyarakah)*, no.12, perenggan 5/1 dan 5/2.

1/5 المشاركة المتناقصة عبارة عن شركة يتعهد فيها أحد الشركاء بشراء حصة الآخر تدريجياً إلى أن يملك المشتري المشروع بكامله. وإن هذه العملية تتكون من الشركة في أول الأمر ، ثم البيع والشراء بين الشريكين ، ولا بد أن تكون الشركة غير مشترط فيها البيع والشراء ، وإنما يتعهد الشريك بذلك بوعده منفصل عن الشركة ، وكذلك يقع البيع والشراء بعقد منفصل عن الشركة ، ولا يجوز أن يشترط أحد العقدين في الآخر .
2/5 يجب أن تطبق على المشاركة المتناقصة الأحكام العامة للشركات ، وبخاصة أحكام شركة العنان . وعليه لا يجوز أن يتضمن عقد الشركة أي نص يعطي أياً من طرفي المشاركة الحق في استرداد حصته من رأس مال الشركة.

²⁵ Keputusan Dewan Syariah Nasional-Majelis Ulama Indonesia No.01/DSN-MUI/X/2013 Tentang Pedoman Implementasi *Musyarakah Mutanāqishah* dalam Produk Pembiayaan.

VIII. Perbandingan elemen-elemen dalam aplikasi *Musyārahah Mutanāqīshah* antara *Syirkah al-Milk* dan *Syirkah al-‘Aqd*.

Melihat kepada aplikasi *musyārahah mutanāqīshah* yang terdapat dalam produk perbankan, beberapa elemen asas dan tambahan dalam *musyārahah mutanāqīshah* telah dikenalpasti. Kesan pelaksanaan elemen-elemen tersebut bergantung kepada *takyif syirkah al-milk* dan *syirkah al-‘aqd*. Perbandingan yang telah dibuat seperti dalam jadual berikut:

Bil.	Skop Perbandingan	<i>Syirkah al-Milk</i>	<i>Syirkah al-‘Aqd</i>
1	Objektif akad	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Untuk membolehkan salah satu pihak memiliki suatu barangan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menjalankan kontrak dengan maksud untuk melakukan aktiviti bagi menjana keuntungan dan melaburkan harta (aset). ▪ <i>Sīghah</i> akad mengandungi <i>syirkah al-‘inān</i>.
2	Pembentukan hubungan perkongsian	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Hubungan perkongsian terbentuk kesan daripada tindakan (<i>taṣarruf</i>) yang melibatkan pemindahan pemilikan daripada pihak ketiga. Contoh jual beli, <i>hibah</i>, wasiat dan lain-lain. ▪ Setiap pihak berhak bertindak ke atas bahagian pemilikan masing-masing dan perlu mendapat keizinan untuk bertindak ke atas bahagian pemilikan yang lain. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perkongsian terbentuk berdasarkan <i>ijāb</i> dan <i>qabūl</i> antara rakan kongsi menerusi sumbangan modal dengan tujuan melakukan aktiviti yang menjana keuntungan. ▪ Mempunyai hak bersama untuk bertindak (<i>taṣarruf</i>) ke atas aset yang dimiliki bersama.
3	Pembahagian untung	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Keuntungan berdasarkan nisbah pemilikan ke atas aset. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Sama ada berdasarkan nisbah modal atau nisbah yang dipersetujui bersama.
4	Tanggungjawab kerugian	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Berdasarkan bahagian pemilikan terhadap aset semasa berlaku kerugian. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Berdasarkan kadar modal yang disumbangkan semasa berlaku kerugian.
5	<i>Wa‘d</i> untuk membeli aset	<ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Wa‘d</i> untuk membeli bahagian pemilikan rakan kongsi yang lain boleh dilakukan sama ada harga ditentukan semasa <i>wa‘d</i> dilakukan atau pada masa yang pembelian dilakukan. ▪ Ini kerana milikan satu rakan kongsi adalah bersifat 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Wa‘d</i> untuk membeli bahagian rakan kongsi yang lain boleh dilakukan dengan harga ditentukan semasa pembelian dilaksanakan. ▪ Ini kerana milikan ke atas aset adalah bersifat <i>ijtima‘ fi taṣarruf</i>, oleh itu semua pihak menanggung risiko keseluruhan aset (<i>ḍomān</i>),

Bil.	Skop Perbandingan	<i>Syirkah al-Milk</i>	<i>Syirkah al-'Aqd</i>
		terasing (<i>ajnabi</i>) kepada rakan kongsi yang lain.	jika harga ditetapkan semasa <i>wa'd</i> ia boleh menjurus kepada jaminan modal.
6	Sewaan (<i>Ijārah</i>)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pemilik hanya menyewakan bahagian pemilikannya berdasarkan kadar pemilikan, namun jika sewaan itu berlaku pada keseluruhan aset, ia hendaklah mendapatkan keizinan daripada rakan kongsi dan keuntungan sewaan dibahagikan berdasarkan nisbah pemilikan atau kadar yang dipersetujui bersama oleh rakan kongsi. ▪ Perkara di atas turut terpakai dalam <i>Ijārah Mawṣūfah Fi Dhimmah</i>, disamping keperluan untuk memenuhi syarat-syarat yang berkaitan dengan <i>Ijārah Mawṣūfah Fi Dhimmah</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perkongsian (<i>partnership</i>) boleh menyewakan aset kepada salah seorang rakan kongsi ataupun pihak ketiga. Semua rakan kongsi akan berkongsi keuntungan berdasarkan sumbangan modal ataupun nisbah yang dipersetujui bersama. ▪ Perkara di atas turut terpakai dalam <i>Ijārah Mawṣūfah Fi Dhimmah</i>, disamping keperluan untuk memenuhi syarat-syarat yang berkaitan dengan <i>Ijārah Mawṣūfah Fi Dhimmah</i>.
7	Penyelesaian dalam situasi kemungkiran	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Harga pembelian keseluruhan aset telah diketahui semasa <i>wa'd</i> untuk membeli dilakukan, maka pihak yang diberi janji berhak menuntut jumlah belian seperti yang dijanjikan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Harga keseluruhan aset hanya akan diketahui pada masa pembelian dilakukan, oleh itu pihak yang diberi janji hanya boleh menuntut jumlah belian pada masa pembelian dilakukan berdasarkan nilai pasaran bagi mengelakkan unsur jaminan kepada harga aset tersebut.
8	Penyelesaian awal	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penentuan jumlah penyelesaian awal berdasarkan formula tertentu boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan kerana harga aset telah ditentukan semasa <i>wa'd</i> untuk membeli diberikan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penentuan jumlah penyelesaian awal berdasarkan formula tertentu tidak boleh dilaksanakan kerana harga aset hanya dapat ditentukan semasa pembelian aset dilakukan.
9	Gadaian (<i>Rahn</i>)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pemilikan adalah milik terasing (<i>ajnabi</i>) dan bersifat <i>musyā'</i> iaitu tidak ditentu bahagian, maka rakan kongsi tidak boleh menggadai 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pemilikan ke atas aset adalah tidak terpisah. Mana-mana bahagian pemilikan merupakan milik bersama.

Bil.	Skop Perbandingan	Syirkah al-Milk	Syirkah al-'Aqd
		<p>bahagiannya sebelum mendapat keizinan rakan lain bagi memelihara hak milik rakan kongsi.</p> <ul style="list-style-type: none"> Namun begitu, sekiranya bahagian milikan dijadikan gadaian kepada rakan kongsi yang lain, maka keizinan dilihat telah wujud secara tersirat. 	<ul style="list-style-type: none"> Aset yang dimiliki bersama boleh dibuat barang gadaian. Gadaian boleh dilaksanakan ke atas bahagian milikannya (<i>share</i>) sahaja.
10	Kemudahan pengeluaran semula (<i>redraw facility</i>) menerusi penggunaan jumlah sewaan yang telah dibayar awal (<i>prepayment</i>).	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah sewaan yang dibayar lebih awal adalah berdasarkan konsep <i>wadī'ah</i>, maka tiada halangan bagi rakan kongsi untuk mengambil semula jumlah sewaan. Manakala penjualan semula kepada rakan kongsi yang lain boleh dibuat ke atas bahagian yang telah dibeli. 	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah sewaan yang dibayar lebih awal adalah berdasarkan konsep <i>wadī'ah</i>, maka tiada halangan bagi rakan kongsi untuk mengambil semula jumlah sewaan. Manakala penjualan semula kepada rakan kongsi yang lain boleh dibuat ke atas bahagian yang telah dibeli.
11	Kemudahan pengeluaran semula (<i>redraw facility</i>) menerusi penjualan semula bahagian milikan aset.	<ul style="list-style-type: none"> Dua pihak adalah terasing (<i>ajnabi</i>) antara satu sama lain, berdasarkan pertimbangan ini maka tiada halangan jika seorang yang memiliki bahagian pemilikan menjualnya kepada pemilik bersama yang lain. Walau bagaimanapun amalan ini mungkin menyebabkan tempoh sewaan akan berlanjutan. 	<ul style="list-style-type: none"> Berdasarkan resolusi <i>Majma' al-Fiqh al-Islāmī</i> ke-15, penjualan semula bahagian rakan kongsi berdasarkan harga yang telah dipersetujui awal/harga nominal adalah tidak dibenarkan.²⁶

²⁶ Resolusi *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* OIC, No.136 (15/2) Persidangan ke-15, 2004 – 1424H di Muscat, Oman.

المشاركة المتناقصة مشروعة إذا التزم فيها بالأحكام العامة للشركات، وروعت فيها الضوابط الآتية:
أ- عدم التعهد بشراء أحد الطرفين حصة الطرف الآخر بمثل قيمة الحصة عند إنشاء الشركة، لما في ذلك من ضمان الشريك حصة شريكه، بل ينبغي أن يتم تحديد ثمن بيع الحصة بالقيمة السوقية يوم البيع ، أو بما يتم الاتفاق عليه عند البيع.
ب- عدم اشتراط تحمّل أحد الطرفين مصروفات التأمين أو الصيانة وسائر المصروفات، بل تحمّل على وعاء المشاركة بقدر الحصص.
ج- تحديد أرباح أطراف المشاركة بنسب شائعة، ولا يجوز اشتراط مبلغ مقطوع من الأرباح أو نسبة من مبلغ المساهمة.
د- الفصل بين العقود والالتزامات المتعلقة بالمشاركة.
هـ- منع النص على حق أحد الطرفين في استرداد ما قدمه من مساهمة (تمويل) .

Berdasarkan kepada pemerhatian terhadap perbandingan di atas, kebolehlaksanaan elemen-elemen asas dalam *musyarakah mutanāqīshah* dalam kedua-dua *takyif fiqhī* tersebut dapat diringkaskan seperti dalam jadual berikut:

Bil.	Elemen dalam <i>Musyarakah Mutanāqīshah</i>	<i>Takyif Syirkah al-Milk</i>	<i>Takyif Syirkah al-‘Aqd</i>
1	<i>Wa‘d</i> untuk pembelian bahagian rakan kongsi dengan harga ditentukan semasa <i>wa‘d</i> dibuat.	Dibenarkan	Tidak dibenarkan
2	Sewaan aset kepada salah seorang rakan kongsi ataupun pihak ketiga.	Tidak dibenarkan kecuali dengan izin	Dibenarkan
3	Gadaian bahagian pemilikan bersama.	Tidak dibenarkan kecuali dengan izin	Dibenarkan
4	Tuntutan jumlah belian keseluruhan seperti yang dijanjikan oleh sebab kemungkiran.	Dibenarkan	Tidak dibenarkan
5	Penyelesaian awal berdasarkan formula tertentu.	Dibenarkan	Tidak dibenarkan
6	Kemudahan pengeluaran semula (<i>redraw facility</i>) menerusi penggunaan jumlah sewaan yang telah dibayar awal (<i>prepayment</i>).	Dibenarkan	Dibenarkan
7	Kemudahan pengeluaran semula (<i>redraw facility</i>) menerusi penjualan semula bahagian milikan aset.	Dibenarkan	Tidak dibenarkan

IX. Pemerhatian dan Kesimpulan

Berdasarkan pemerhatian dan analisis yang dijalankan, didapati bahawa pelaksanaan *musyarakah mutanāqīṣah* wajar dilakukan berdasarkan tujuan dan objektif pelaksanaannya.

Sehubungan itu, dengan mengambil kira aspek-aspek pengoperasian juga, artikel ini melihat bahawa sekiranya *musyarakah mutanāqīṣah* itu dilaksanakan bertujuan untuk membiayai pembelian sesuatu aset maka *takyif fiqhī* yang sesuai dipakai ialah *syirkah al-milk* kerana kesan akhirnya ialah salah satu rakan kongsi akan mendapat pemilikan keseluruhan aset tersebut. Namun, sekiranya pemeteraian *musyarakah mutanāqīṣah* tersebut bertujuan membiayai sesuatu pelaburan atau perniagaan yang menjana keuntungan yang mana akan dikongsi oleh rakan-rakan kongsi maka *takyif fiqhī* yang dilihat bersesuaian ialah *syirkah al-‘aqd*.

Artikel ini juga melihat bahawa terdapat keperluan untuk menggariskan panduan-panduan umum bagi penggunaan elemen-elemen tambahan yang diaplikasikan dalam *musyarakah mutanāqīṣah* supaya dapat memenuhi aspek-aspek *takyif fiqhī* dalam *syirkah al-milk* atau pun *syirkah al-‘aqd* seperti yang telah dinyatakan.

X. Cabaran dan Tinjauan Masa Hadapan

Dari sudut pemakaian *musyārahah mutanāqīshah*, walaupun secara umumnya terdapat peningkatan dalam jumlah nilai pembiayaan berasaskan *musyārahah mutanāqīshah*, maklum balas umum yang diterima daripada institusi perbankan Islam²⁷ menyatakan bahawa terdapat penurunan dalam penawaran dan permintaan produk pembiayaan berasaskan *musyārahah mutanāqīshah*. Situasi ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor antaranya cabaran dalam pematuhan keperluan-keperluan yang ditetapkan dalam polisi berkaitan *musyārahah mutanāqīshah*, persaingan dengan konsep pembiayaan berasaskan *murābahah* komoditi (*tawarruq*) yang dilihat lebih mudah dan kurang isu dokumentasi; serta pendirian pihak pengurusan bank yang kurang berminat untuk meneruskan penawaran produk berasaskan *musyārahah mutanāqīshah* kerana wujudnya isu-isu berkaitan risiko, undang-undang dan kerumitan dalam menyelaraskan kefahaman bagi petugas-petugas barisan hadapan kaunter.

Di samping itu, beberapa kritikan semasa²⁸ terhadap aplikasi *musyārahah mutanāqīshah* dalam perbankan Islam dilihat berpunca daripada jurang pemahaman berhubung sandaran *musyārahah mutanāqīshah* sama ada kepada *syirkah al-`aqd* ataupun *syirkah al-milk*.

Sejajar dengan perkembangan pasaran kewangan Islam semasa, kefahaman berkenaan konsep *musyārahah mutanāqīshah* ini perlu dimantapkan lagi dalam kalangan institusi kewangan Islam dan juga peserta industri supaya dengan kefahaman yang jelas dan betul terutamanya berkaitan profil risiko dalam pengurusan *musyārahah mutanāqīshah*, inovasi produk-produk baharu yang berteraskan konsep tersebut dapat diaplikasikan sama ada ia bertujuan pembiayaan ataupun pelaburan.

²⁷ Maklum balas diterima daripada beberapa buah institusi perbankan Islam.

²⁸ *Musharakah Mutanaqisah Home Financing: Issues in Practice, Working Paper Series*, melalui laman http://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=2800653

Rujukan

- ‘Abdul Raḥmān al-Juzairī, *al-Fiqh ‘alā Madhāhib al-Arba‘ah*, cetakan *Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah*, Beirut, 2003.
- Accounting and Auditing Organization For Islamic Financial Institution (AAOIFI)*, Edisi 2015-1437H.
- ‘Ali al-Khafīf, *Al-Syarikāt fi al-Fiqh al-Islāmī: Buḥūth Muqāranah*, cetakan *Dār al-Fikr al-‘Arabī*, 1430H-2009.
- Al-Kāsānī, *Badā‘ī al-Ṣanā‘ī*, cetakan *Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah*.
- Al-Kharāsyī, *Syarh Mukhtaṣar Khalīl*, cetakan *Dār Ṣādir*.
- Al-Nafrawī, *Al-Fawākih al-Dawānī Syarh Bākūrah al-Sa‘ad*, cetakan *Muṣṭafa al-Halabī*.
- Al-Raḥibanī, *Maṭālib ‘ulī al-Nuhā*, cetakan Beirut.
- Al-Sarakhsī, *Al-Mabsūṭ*, cetakan *Dār al-Ma‘rifah*, Beirut .
- Al-Tasūli, *Al-Bahjah Syarh al-Tuḥfah*, cetakan *Muṣṭafa al-Halabī*.
- Bank Negara Malaysia, *Musarakah, BNM/RH/STD 028-7, Islamic Banking and Takaful Department, issued on 20 April 2015*.
- Ibn ‘Ābidīn, *Rad al-Muḥṭār ‘alā al-Dur al-Mukhtār*, cetakan *Iḥyā’ al-Turāth*.
- Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, cetakan *Al-Kitāb al-‘Arabī*.
- Islamic Finance Research 21 January 2010, KFH Research Ltd. 2010*.
- Kamus Kewangan Islam, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 2011.
- Khatīb Syirbinī, *Mughni al-Muḥṭāj Syarh Minhāj al-Ṭālibīn* .
- Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, *Al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*.
- Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Edisi Kedua 2006.
- Keputusan Dewan Syariah Nasional-Majelis Ulama Indonesia melalui laman sesawang <http://www.dsnmui.or.id/index.php?page=keputusan>.
- Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*, Bilangan 13 Vol.2, Tahun 1422 H – 2001 M.
- Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*, Bilangan 15 Vol.1, Tahun 1425 H – 2004 M.
- Muḥammad ‘Alā’uddīn Al-Samarqandī, *Tuḥfah al-Fuqaha*, cetakan *Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah*.
- Muḥammad Ṭawīl, *Al-Syarikāt wa Aḥkamuhā fi al-Fiqh al-Islāmī: Dirāsah Muqāranah fi al-Syarikāt al-Islāmiyyah*, cetakan *Dār Ibn Ḥazm*, 1430H-2009.
- Musharakah Mutanaqisah Home Financing: Issues in Practice, Working Paper Series*, dimuat naik pada tarikh 07 Julai 2016, carian bertarikh 4 Oktober 2016 melalui laman http://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=2800653
- Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, Bank Negara Malaysia, Edisi Kedua Oktober 2010.
- Zakariya Al-Ansārī, *Hāsyyah al-Syarqāwī ‘ala Tuḥfah al-Ṭullab*.